

NO. SOALAN: 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN

TARIKH : 22 MAC 2017

RUJUKAN : 9800

SOALAN:

Dr. Mansor Bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah mekanisme dalam mengenal pasti individu yang berpotensi terlibat dengan militan pengganas ini, dan apakah langkah Kerajaan bagi menyekat perkembangan aktiviti terrorisma ini dan masalah IS ini juga berterusan dan merupakan satu fenomena "iceberg".

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

KDN melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil beberapa tindakan bagi mengekang ideologi militan daripada terus berleluasa, antaranya:

- (i) mengadakan kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi memantau media-media sosial yang menjadi medium komunikasi golongan belia;**
- (ii) melaksanakan Modul Pemulihan Bersepadu dengan penglibatan KDN sendiri, PDRM, Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM);**
- (iii) menguatkuasakan Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA);**
- (iv) mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi perisikan luar negara khususnya dari ASEAN bagi memantau dan menjejaki mereka yang disyaki atau didapati terlibat dengan kumpulan-kumpulan penganas;**

- (v) memberi nama individu yang disyaki sebagai pengganas kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk disenaraihitamkan dan dimasukkan ke dalam Senarai Syak bagi menyekat pergerakan mereka di semua pintu masuk dan keluar di seluruh negara;**

- (vi) melaksanakan *Advanced Passenger Screening System (APSS)* yang merupakan saringan awal dan terperinci ke atas pelancong untuk memasuki Malaysia sebelum berlepas dari negara asal; dan**

- (vii) mengadakan kerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) melalui pelbagai program penerangan sebagai pencegahan melalui ceramah-ceramah, khutbah Jumaat, perjumpaan, seminar dan media sosial kepada golongan-golongan tertentu bagi menerangkan konteks jihad sebenar dan bahaya fahaman ekstrem yang menjurus ke arah kegiatan militan.**